

25/11/1997

Perlis sokong usul terhadap PM

DEWAN Undangan Negeri Perlis, menyokong usul yang dikemukakan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, terhadap sokongan kepada kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Usul tergepar itu dibahaskan bagi menolak tuduhan 34 Ahli Kongres Amerika Syarikat bahawa Dr Mahathir sebagai anti-Yahudi dan menuntut beliau memohon maaf atau meletak jawatan.

Antara Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang mengambil bahagian dalam perbahasan itu ialah Nordin Abdullah (Beseri), Loh Yoon Foh (Titi Tinggi) dan Mohamad Hadzi Nordin (Kayang).

Ketika membentangkan usul itu, Shahidan berkata, Dewan Undangan negeri Perlis menolak tuduhan bahawa pemimpin negara ini adalah anti mana-mana kaum, termasuk Yahudi.

Beliau berkata, DUN membantah tuduhan melulu ahli Kongres terbabit kerana ia adalah pencabulan terhadap kedaulatan dan hak rakyat negara ini dalam menentukan kepemimpinan negara demokrasi.

Menurutnya, rakyat Perlis memberi sokongan padu dan berdoa semoga usaha yang dilakukan Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan memulihkan maruah negara akan mencapai kejayaan.

(END)